

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]

TARIKH : 6.11.2014

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah soalan kertas Sains UPSR 2014 boleh bocor. Apakah kaedah yang akan diambil Kementerian untuk mengelakkan perkara ini berulang pada peperiksaan akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyerahkan kepada pihak berkuasa bagi menyiasat kes berkenaan dan yakin akan dapat merungkai segala persoalan yang ditimbulkan termasuk bagaimana dan punca berlakunya kebocoran kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada.

Bagi menangani perkara tersebut berulang, KPM telah mengambil langkah drastik dan serta-merta, antaranya :

1. Penubuhan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh

mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian;

2. Melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;
3. Mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin;
4. Melengkapkan lagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambahbaikan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan;
5. Memberi taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik; dan
6. Memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan

bermula serta memantapkan lagi Pengurusan Krisis (*Crisis Management*) untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusian **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang dilaksanakan dapat membendung perkara ini dari berulang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' IR HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 17

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh penumpang-penumpang yang telah menempah tiket awal bagi laluan Langkawi ke Kuala Kedah/Kuala Perlis contohnya waktu feri berlepas jam 2.00 petang tetapi lewat tiba di Jeti Kuah dan telah ketinggalan bot/feri disebabkan kesesakan lalu lintas "traffic jam" dan penumpang-penumpang tersebut terpaksa membeli tiket baru untuk beliau dan beberapa ahli keluarga yang turut serta berikutan pengusaha feri di Jeti Kuah telah memperkenalkan sistem tiket berkomputer.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sistem tiket berkomputer (*E-Ticketing*) bagi laluan feri Langkawi telah dilaksanakan pada Oktober 2013 yang mana bertujuan untuk melancarkan proses pembelian tiket feri supaya lebih sistematik serta mengurangkan masalah tiket bertindih sekaligus untuk mengelakkan lebihan penumpang. Dalam hal ini, penumpang boleh membeli tiket sama ada secara atas talian (*online*) ataupun di kaunter tiket. Di samping itu, penumpang juga telahpun dimaklumkan berhubung terma dan syarat yang ditetapkan, antaranya tiket yang telah dibeli tidak boleh ditukar ataupun dikembalikan.

Bagi pembelian tiket sama ada atas talian ataupun di kaunter, penumpang telahpun mengetahui waktu pelepasan feri dengan lebih awal. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab penumpang untuk merancang masa dan perjalanan ke terminal feri bagi mengelakkan perkara-perkara di luar jangkaan contohnya kesesakan lalulintas.